

MAT REMBIT DAN TINGKAH LAKU AGRESIF: KAJIAN KES DI PULAU PINANG, MALAYSIA

ZALMIZY HUSSIN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi Mat Rempit terlibat dalam tingkah laku agresif di Pulau Pinang. Seramai 25 orang responden dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian ini menggunakan kaedah indept-interview (temu duga mendalam) yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A mengenai demografi responden dan Bahagian B mengenai respon responden terhadap aspek persoalan kajian yang dikaji. Terdapat empat persoalan kajian yang diutarakan adalah faktor diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kurangnya penghayatan dan pendidikan agama. Penggunaan perisian Nvivo7 digunakan dalam proses menganalisis data kualitatif adalah bertujuan memudahkan dan mempercepatkan proses mengurus, menganalisis dan mentafsir data-data kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan faktor diri sendiri dan rakan sebaya paling mempengaruhi responden terlibat dalam tingkah laku agresif berbanding faktor keluarga dan faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama. Walau bagaimanapun, analisis mendapati faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama bukan faktor penting responden terlibat dalam tingkah laku agresif.

Kata Kunci: *Mat Rempit, Tingkah Laku Agresif, Diri Sendiri, Keluarga, Rakan Sebaya, Kurang Penghayatan dan Pendidikan Agama*

ABSTRACT

This study aims to identify the factors that influence Mat Rempit involved in aggressive behavior in Penang. A total of 25 respondents were selected for the study. Instrument study using in-depth interviews method, which consists of two parts. Part A involved demographic of respondents and Part B is about the respondents' responses to the research question being studied. There are four research questions factor being issued which are self factor, family, peer influence and the lack of appreciation and religious education. Nvivo7 software used in qualitative data analysis process intended to facilitate and accelerate the process of managing, analyzing and interpreting qualitative data. The findings revealed that self and peer factor most influence the respondents engaged in aggressive behavior than family factors and lack of appreciation of religious education factor. However, the analysis revealed that the lack of appreciation and religious education is not an important factor respondents involved in aggressive behavior.

Keywords: *Illegal Street Racer (Mat Rempit), Aggressive Behavior, Self, Family, Peers, The Appreciation Of And Education About Religion*

PENGENALAN

Remaja merupakan penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020 seperti yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Negara (Azimi, et al., 2002). Remaja di Malaysia merupakan tunjang dan tulang belakang kepada negara supaya mereka dapat berperanan apabila tiba masanya kelak.

Sebagai tunggak harapan dalam mendepani cabaran Wawasan 2020, negara dikejutkan dengan pertambahan bilangan remaja Malaysia yang terlibat dengan pelbagai tingkahlaku agresif seperti merompak, memeras ugut, meragut, penyalahgunaan dadah, perlakuan seks bebas, lumba haram dan gejala sosial lain (Mahmood Nazar, 2009). Tingkah laku agresif dalam kalangan remaja ini banyak tercetus hasil daripada ekspresi luaran yang tidak dapat menyesuaikan diri, tidak diterima dalam sistem sosial dan norma-norma keluarga, serta tindakbalas tekanan dalaman diri remaja itu sendiri.

Kajian ini menggunakan definisi tingkah laku agresif seperti berikut. Menurut Azizi et al., (2005), agresif ialah sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Kekecawaan, kejengkelan, dan serangan semuanya mudah menyebabkan remaja berasa marah.

Menurut Abidin (2005), agresif mempunyai tiga ciri penting, iaitu:

- a) agresif merupakan tingkah laku yang bersifat membahayakan, menyakitkan, dan melukai orang lain.
- b) agresif merupakan suatu tingkah laku yang dilakukan seseorang dengan bertujuan untuk melukai, menyakiti, dan membahayakan orang lain atau dengan kata lain dilakukan dengan sengaja.
- c) agresif tidak hanya dilakukan untuk melukai korban secara fizikal, tetapi juga secara psikologi, misalnya melalui kegiatan yang menghina atau mencaci. Contoh tingkahlaku agresif seperti merompak, memeras ugut, meragut, penyalahgunaan dadah, perlakuan seks bebas, lumba haram dan gejala sosial lain (Mahmood Nazar, 2009).

Dalam konteks Malaysia misalnya, tidak unik dalam menghadapi risiko kadar tingkah laku agresif yang meningkat setiap tahun. Malah tingkah laku agresif remaja juga berlaku di negara maju seperti di negara Eropah (Sethi et al., 2010) dan Amerika (Wilson, 2000). Kajian lepas banyak mengkaji mengenai bagaimana tingkah laku agresif boleh berkembang serta penyebab kemunculannya. Di antaranya, kajian mengenai tingkah laku agresif dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti self-esteem (Esfandi et al., 2005), biologi (Ramirez, 2003; Simpson, 2001), dan penolakan persekitaran (Twenge, et al., 2007).

LATAR BELAKANG MASALAH

Perkataan ‘Mat Rempit’ dalam kajian ini merujuk kepada individu yang menyertai perlumbaan haram menggunakan motosikal berkuasa kecil seperti kapcai atau skuter yang di ubah suai tanpa kelulusan dari pihak berkuasa (Rozmi Ismail, 2004; 2005). Kajian ini menggunakan istilah ‘Mat Rempit’ memandangkan fenomena ‘Mat Rempit’ ini hanya berlaku di Malaysia sahaja. Nama ‘Mat Rempit’ mula diperkenalkan dan sudah pasti nama ini sinonim dengan aksi-aksi ganas mereka.

Perkataan rempit sebenarnya diambil daripada bahasa inggeris, iaitu ‘ramp-it’ yang menggambarkan pelumba memeras minyak di jalan raya (litar) yang akhirnya menjadi nama jolokan rempit bagi kumpulan terbabit (Rozmi Ismail, 2004). Fenomena ‘Mat Rempit’ di Malaysia sering kali dikaitkan dengan pelbagai istilah yang merujuk kepada individu yang terlibat dalam tingkahlaku memandu motosikal secara laju dan membahayakan diri dan orang awam seperti ‘Mat Motor’, ‘pelumba haram’, ‘budak racing’, ‘Mat Bodoh’, dan lain-lain lagi.

Malah perbincangan mengenai istilah baru untuk menggantikan istilah ‘Mat Rempit’ turut mendapat tempat dalam membincangkan isu ini. ‘Mat Rempit’ dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai hell rider (Rozmi Ismail, 2004: 1), manakala ‘Pembalap Haram’ (dalam Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail & Mohamad Fauzi Sukimi, 2009: 27) merupakan istilah yang dikenali di Indonesia. Fenomena ‘Mat Rempit’ tidak terdapat di negara-negara lain, tetapi terdapat tingkahlaku golongan remaja di sesetengah negara yang mempunyai persamaan dengan fenomena seperti ini di Malaysia (Samsudin A. Rahim, 1994; Voelkl, Welte & Wiczorek, 1999).

Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi ‘Mat Rempit’ terlibat dalam tingkah laku agresif. Batasan kajian hanya memfokuskan kepada empat faktor iaitu faktor diri sendiri, faktor keluarga, faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama. Kajian ini merupakan usaha untuk mengetahui penyebab dan pengaruh keagresifan remaja dan mencari titik penyelesaian masalah gejala tingkah laku agresif dalam kalangan ‘Mat Rempit’.

PENYATAAN MASALAH

Tingkah laku agresif dalam kalangan remaja menjadi polemik dan menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat. Mereka bukan sekadar bertingkah laku agresif tetapi turut terjerumus ke dalam kegiatan tidak bermoral. Kajian lepas menunjukkan remaja yang terlibat dalam perlakuan agresif berada di bawah pengaruh pil-pil khayal, alkohol dan juga dadah hingga ke tahap terlibat dengan jenayah kekerasan termasuk kesalahan bunuh (Yahya Don, 1999; Goldstein, 1985).

Selain itu, kajian lepas mendapati remaja yang terlibat dalam aktiviti jenayah keganasan akibat daripada penyalahgunaan dadah seperti mengambil pil-pil khayal, pil psikotropik, menghidu gam dan sebagainya (Yahya Don, 1999). Hal ini dapat diperlihatkan melalui pertambahan penagihan dadah di sesuatu tempat akan membawa kepada peningkatan kadar jenayah dan insiden-insiden keganasan dalam masyarakat (Faupel, 1991; Goldstein, 1985; Mohd. Reduan Aslie, 1990; Ratner, 1993). Malah keadaan ini semakin membimbangkan apabila kesan daripada mengambil dadah menyebabkan mereka tidak dapat mengawal diri dan mendorong mereka bertindak ganas seperti menyerang, merosakkan harta benda awam, merogol atau membunuh (Yahya Don, 1999; Yahya Don, & Mahmood, N.M., 2004; Brody, 1990; Goldstein, 1985).

Tingkah laku agresif berlaku juga disebabkan keadaan emosi yang tidak stabil di dalam persekitaran masyarakatnya. Seorang remaja yang mempunyai fikiran positif biasanya akan lebih baik dalam memilih keputusan dibanding mereka dalam keadaan emosional (Mischkowski, 2012). Namun, bagi remaja berfikiran negatif dan emosional, mereka memerlukan keadaan emosi yang tenang apabila membuat sesuatu keputusan (Kurtz, 2003 & Blencowe, 2007). Menurut Hurlock (1973) (dalam Azizi Yahaya & Faizah Idris, 2010), remaja yang mengalami gangguan emosi seperti bimbang akan kegagalan akan membuat penyesuaian semasa bertembung dengan situasi baru. Jika tidak ada penyesuaian yang memuaskan di antara individu dengan persekitarannya, maka remaja akan menghasilkan tingkah laku yang menyimpang. Perlakuan ini akan menimbulkan masalah sosial yang besar kepada masyarakat dan negara.

Kajian mendapati remaja yang berkecenderungan melakukan keganasan mempunyai tahap pendidikan yang rendah, keruntuhan keluarga, kurangnya pengawasan sosial dan mempunyai status sosial yang rendah (Yahya Don, & Mahmood Nazar Mohamed, 2004; Abraham, & Teplin, 1990; Hawkins, Catalano, & Miller, 1992). Mereka yang terlibat dalam jenayah kekerasan turut membawa kesengsaraan kepada diri sendiri dan merosakkan keharmonian keluarga serta menjejaskan kedudukan sosio-ekonomi dan keharmonian masyarakat (Yahya Don, 1999; Mahmood, N. M. & Yahya Don, 2003).

Walau bagaimanapun, kadar penglibatan mereka dalam tingkah laku agresif kini semakin menjadi-jadi walaupun pelbagai pihak sama ada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Badan Sahsiah Politik seperti Putera UMNO, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), mengadakan pelbagai program, operasi pencegahan dan sebagainya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti faktor tingkah laku agresif dari sudut diri sendiri responden.
2. Mengenalpasti faktor tingkah laku agresif dari sudut keluarga responden.
3. Mengenalpasti faktor tingkah laku agresif dari sudut rakan sebaya responden.
4. Mengenalpasti faktor tingkah laku agresif dari sudut kurangnya penghayatan dan pendidikan agama responden.

SOROTAN KARYA

Faktor-Faktor Mempengaruhi Tingkah Laku Agresif

Bahagian ini menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ‘Mat Rempit’ dalam tingkah laku agresif. Batasan kajian ini mengkaji empat faktor yang mempengaruhi tingkah laku agresif mereka, iaitu: a) faktor latar belakang diri sendiri, b) faktor latar belakang keluarga, c) faktor pengaruh rakan sebaya, dan d) kurangnya pendidikan dan penghayatan agama.

Faktor Diri Sendiri

Terdapat beberapa definisi mengenai diri remaja yang terlibat dengan tingkah laku agresif. Dari sudut fisiologi, Douvan & Gold (1996) (dalam Zainudin Sharif & Norazmah M. R., 2011: 118) menyatakan bahawa zaman remaja bermula apabila organ-organ peranakan dan ciri-ciri jantina sekunder mula berubah di zaman akhir kanak-kanak. Manakala menurut Zainal dan Sharani (2004), zaman remaja adalah masa berlakunya proses adaptasi dalam masyarakat apabila mencapai akil baligh atau cukup umur. Sementara itu, Rogers (1962) (dalam Zainudin Sharif & Norazmah M. R., 2011: *ibid*) pula menyatakan, remaja adalah tahap perkembangan fizikal dan sosiologi mengikut umur kronologi seperti berikut:

- a) Peringkat umur 11-15 tahun: keadaan fizikal berubah,
- b) Peringkat umur 15-17 tahun: remaja mengutamakan identiti diri, dan
- c) Peringkat umur 17 tahun ke atas: remaja berlatih memainkan peranan sebagai orang dewasa.

Selain itu, dari sudut kognitif pula, Suzana (2002) mendefinisikan remaja adalah individu yang berkebolehan untuk menggunakan simbol-simbol, abstraksi dan strategi-strategi penyelesaian masalah dalam pemikiran. Manakala dari sudut psikologi pula, Arieff & Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi yang akan membentuk kerangka perlakuan remaja itu sendiri. Sekiranya remaja gagal mengawal emosi maka mereka akan mengalami tekanan mental dan melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Menurut Azizi dan Rosnah (2007), fenomena ini mungkin berlaku disebabkan remaja yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya.

Faktor Keluarga

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitaran yang terdekat dan terpenting iaitu keluarga mereka. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak akan menjejaskan masa depan mereka yang boleh menyebabkan mereka terlibat dengan gejala-gejala sosial dan tidak mampu untuk membentuk diri mereka menjadi orang yang berguna dan berwawasan (Rohayati, 2004).

Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di Barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik berkait rapat dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997). Arieff & Wardah (2006) menjelaskan antara latar belakang keluarga yang menjadi faktor remaja bertingkah laku devian adalah disebabkan pendapatan ibu bapa yang rendah dan anak membesar dalam keadaan terbiar. Kajian Noor Adiah (1998) dan Norhayati (1994) juga mendapati masalah sosial ada kaitan dengan pendapatan keluarga. Di negara barat, Mannes, et al., (2005) melaporkan bahawa remaja yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah adalah dua kali ganda lebih cenderung untuk bertingkah laku negatif berbanding remaja lain.

Kegagalan ibu bapa dalam mendisiplinkan anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingkah laku agresif. Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak (Jacobvitz, et al., 1996). Kebanyakan tingkah laku agresif remaja juga berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz, et al., 1996, Vuchinich, 1992). Menurut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Masalah-masalah yang timbul oleh remaja pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak (Block, et al., 1988; Caspi, et al., 1995; Fergusson, et al, 1996; Fergusson, et al., 1996a; Moffitt, 1993).

Menurut Mahmood Nazar Muhammad (1993), tingkah laku devian (agresif) di kalangan remaja juga disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal. Mereka yang terlibat dengan tingkah laku agresif ini juga mengalami konflik dalam keluarga mereka sendiri. Mereka juga gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan serta rasa seronok. Kekurangan komunikasi yang berkesan dan kasih sayang dalam keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan personaliti dalam diri remaja. Sigurdsson et al., (1996) dan Sokol-Katz et al., (1997) pula menekankan bahawa perkembangan personaliti negatif dan tingkah laku devian adalah hasil daripada kegagalan dalam ikatan kekeluargaan. Ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu

gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama.

Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya turut mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku agresif. Mereka yang terlibat dalam tingkah laku agresif disebabkan mahukan kemewahan, lantas mereka kerap mencuri bersama dengan rakan-rakan. Pada masa kini, wang adalah segala-galanya dan taraf hidup juga semakin meningkat. Oleh itu, ibu bapa tidak dapat memberikan kemewahan kepada anak-anak menyebabkan mereka akan mencuri bersama-sama rakan kerana ingin mendapat kekayaan dengan mudah tanpa memikirkan akibat daripada tindakan yang mereka lakukan. Noraini (2000) menjelaskan keinginan remaja untuk menikmati kesenangan telah mendorong mereka melakukan apa sahaja demi mendapatkan kemewahan, lantas mereka akan mencuri untuk mendapatkan kemewahan dengan mudah.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga mendorong penglibatan remaja dalam tingkah laku agresif disebabkan faktor pengiktirafan. Responden sanggup melakukan apa sahaja supaya mereka dihormati dan diiktiraf oleh rakan-rakan iaitu ahli kumpulan walaupun ia berdosa. Mereka cenderung untuk bersama rakan-rakan yang mempunyai tingkah laku yang sama. Ini akan mendorong mereka membentuk kumpulan sendiri dan ada peraturan tertentu dalam kumpulan mereka. Justeru itu, responden sanggup melakukan apa sahaja asalkan mereka diterima menjadi ahli kumpulan. Kajian yang dilakukan oleh Asmak (2006), mendapati remaja akan terpengaruh dengan rakan-rakan yang menganggap undang-undang adalah tidak penting dan mereka akan membentuk kumpulan serta peraturan tertentu. Setiap ahli kumpulan mestilah mematuhi peraturan tersebut dan dari sini wujudlah tingkah laku agresif seperti peras ugut dan sebagainya. Kajian oleh Samsaad, & Abdullah (2006) juga mendapati pengaruh rakan sebaya juga cukup besar kerana mereka akan berasa selesa bersama rakan sebaya jika mereka diiktiraf.

Di samping itu, pengaruh rakan sebaya juga mempengaruhi remaja terlibat di dalam tingkah laku agresif adalah disebabkan faktor kepuasan bersama rakan-rakan. Mereka akan berasa seronok dan puas jika mereka berkelakuan tidak sopan bersama rakan-rakan mereka. Kepuasan yang mereka perolehi bersama rakan-rakan adalah sesuatu yang menggembirakan kerana mereka mudah menerima tingkah laku rakan-rakan yang lain. Menurut Fatimah (2006), apa-apa sahaja yang memberikan keseronokan kepada mereka akan dilakukan kerana terikut-ikut sikap kawan atau pilihan sendiri. Malah, kajian oleh Romzi (2006) menunjukkan sebab utama remaja terlibat dengan kegiatan berisiko tinggi adalah untuk mencari keseronokan tanpa berfikir panjang.

Seterusnya, rakan-rakan mereka sering mengajak remaja melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Penyelidik berpendapat, remaja mudah menerima ajakan daripada rakan-rakan kerana mereka percaya apa yang dilakukan oleh rakan mereka

adalah betul dan boleh mendatangkan keseronokan. Dalam kajian Asmak (2006), pengaruh rakan sebaya remaja terlibat dengan salah laku merupakan peratusan tertinggi iaitu 63.6%, kajian Asmak menunjukkan remaja biasanya lebih mudah meniru dan terpengaruh dengan rakan sebaya.

Faktor Kurangnya Pendidikan dan Penghayatan Agama

Menurut Sabitha, Mahmood Nazar Mohamed (1995), antara punca berlakunya permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda adalah disebabkan oleh kurangnya pendidikan dan penghayatan agama dalam kalangan ibu bapa mahupun dalam kalangan remaja. Pengetahuan, penerapan dan amalan agama yang lemah dalam kalangan ibu bapa tidak membantu kepada tingkah laku yang positif dalam kalangan remaja. Kajian yang dijalankan oleh Sharifah et al., (2010) mendapati remaja yang mendapat bimbingan yang positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif dan secara tidak langsung berupaya untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko.

Beberapa kajian barat mendapati agama berupaya bertindak sebagai faktor penghalang kepada tingkah laku agresif yang menyalahi undang-undang seperti memeras ugut, samun, merompak dan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Donahue, & Benson, 1995; Francis, 1997, Steinman, 2004). Hasil kajian ini memperlihatkan penemuan yang selari dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa remaja yang mempunyai pegangan agama yang kukuh menunjukkan tahap keterlibatan yang rendah dengan aktiviti yang tidak sihat termasuklah terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah (Gorsuch, 1995; Johnson, Tomkins, & Webb, 2002).

Poulson et al., (1988), Greenwald (2000) & Stylianou (2004) dalam kajian mereka mendapati seseorang individu yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap agama kurang terdedah dengan aktiviti yang tidak berakhlak seperti penggunaan alkohol atau tingkah laku seksual yang berisiko tinggi. Beberapa kajian barat lain yang mendapati bahawa agama merupakan faktor penghalang seseorang individu untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan norma dan nilai-nilai masyarakat termasuklah terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Jessor, et al., 2004; Kogan, et al., 2004; Wallace, et al., 2003).

Hodge, Cardenas, & Montoya (2001) dalam kajiannya pula mendapati bahawa agama merupakan benteng yang kuat untuk menghalang perlakuan yang tidak bermoral dan seterusnya berupaya memberi perlindungan melalui dua cara iaitu: (i) bertindak sebagai penolakan kepada perbuatan yang bercanggah dengan kepercayaan agama dan (ii) keterlibatan seseorang individu dalam aktiviti agama berupaya membantu untuk membentuk kumpulan rakan yang positif serta dapat berkongsi sikap, kepercayaan dan nilai untuk menjauhkan diri mereka daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral. Manakala kajian tempatan yang dijalankan oleh Mahmood et al., (1997) pula mendapati bahawa remaja yang mempunyai tahap pengetahuan dan

keagamaan yang tinggi kurang berisiko untuk terdedah dengan gejala sosial yang boleh merosakkan masa hadapan mereka.

Justeru itu, menyedari bahawa aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak perlu diberikan perhatian utama. Pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi muda remaja yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri (Corcoran, & Nichols-Casebot, 2004; Wallace, et al., 2007). Remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera (McCullough, & Willioughby, 2006).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu menggunakan kaedah indept-interview (temu duga mendalam) untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Tujuan kajian adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam tingkah laku agresif di Pulau Pinang, Malaysia. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi tingkah laku agresif mereka iaitu faktor diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kurangnya penghayatan dan pendidikan agama.

Data kajian diperolehi daripada beberapa siri temubual yang dilakukan. Menurut Blaikie (2000) pengumpulan data dalam persekitaran sosial separa semulajadi (semi-natural social enviroment), iaitu responden melaporkan aktiviti, sikap dan motif mereka sendiri atau orang lain ataupun melalui proses sosial dan amalan dalam persekitaran sosial mereka sehari-hari (2000: 187-191). Data kajian berbentuk kualitatif dikumpul dalam bentuk perkataan dan disusun mengikut kategori. Seterusnya, setiap kategori akan diberikan nama dan dijelaskan dengan mendalam.

Skop kajian

Skop batasan kajian ini hanya memberi fokus kepada empat faktor yang ingin dikaji iaitu faktor diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kurangnya penghayatan dan pendidikan agama. Selain itu, terdapat skop dan batasan kajian lain seperti berikut:

- a) Batasan konsep operasional: Kajian ini menfokuskan kepada tingkah laku agresif dalam kalangan 'Mat Rempit'. Batasan konsep operasional merangkumi konsep tingkah laku agresif, 'Mat Rempit', remaja, keluarga, pengaruh rakan sebaya, dan penghayatan dan pendidikan agama.
- b) Batasan negeri: Pengumpulan dan pengutipan data kajian dilakukan di sekitar bandar George Town, negeri Pulau Pinang.

- c) Batasan responden: 'Mat Rempit' dipilih sebagai sampel kajian.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini merupakan jumlah remaja yang diperolehi dengan menggunakan teknik temu duga mendalam, iaitu seramai 25 orang responden. Manakala sampel kajian ini adalah remaja di sekitar George Town, Pulau Pinang. Proses pengambilan subjek adalah menggunakan kaedah persampelan 'snow ball' iaitu menghubungi beberapa orang ketua mat motor (ketua kumpulan) pelumba haram jalanan. Ketua ini akan menghubungi ahli-ahlinya yang berminat untuk terlibat dalam kajian ini. Kemudian, penyelidik akan meminta ketua ini menghubungi ahli-ahlinya yang berminat untuk terlibat dalam kajian ini. Bagi mendapatkan ciri-ciri responden yang dikehendaki, kaedah 'purposive sampling' (persampelan bertujuan) digunakan bagi mendapatkan dan memilih responden tersebut untuk dikaji dan ditemubual. Manakala, kaedah judgemental turut digunakan di mana responden dipilih berdasarkan ciri-ciri pelumba haram jalanan yang dipamerkan dari segi pakaian, pertuturan dan aktiviti khusus yang dilakukan seperti berlumba haram dan melepak bersama rakan-rakan sambil bercerita tentang motosikal, kehidupan mereka dan topik-topik umum.

Pengumpulan Data

Data kajian diperolehi daripada beberapa siri temubual yang dilakukan. Menurut Blaikie (2000) pengumpulan data dalam persekitaran sosial separa semulajadi (semi-natural social environment), iaitu responden melaporkan aktiviti, sikap dan motif mereka sendiri atau orang lain ataupun melalui proses sosial dan amalan dalam persekitaran sosial mereka sehari-hari (2000: 187-191). Data kajian berbentuk kualitatif dikumpul dalam bentuk perkataan dan disusun mengikut kategori. Seterusnya, setiap kategori akan diberikan nama dan dijelaskan dengan mendalam.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan teknik temubual tidak berstruktur dan berbentuk mendalam (in-depth). Kesemua soalan dalam temubual berstruktur ini berbentuk terbuka atau open-ended. Kaufman (1994) dalam temubual jenis ini, keseluruhan soalan dalam jadual temubual (interview schedule) berbentuk terbuka (open-ended) yang direka untuk menggalakkan responden bercakap dan memberi jawapan mengenai tajuk kajian berdasarkan pandangan serta pengalaman mereka sendiri. Soalan-soalan diajukan kepada responden untuk dijawab. Newell (1993), soalan yang standard memainkan peranan penting dalam penganalisan data yang diperolehi. Menurut Bailey (1994) soalan terbuka juga berfungsi untuk menggalakkan responden memberi jawapan yang lengkap. Namun demikian, soalan kontigensi turut ditanya dalam proses temubual tersebut. Menurut Judd (1991), teknik ini berkesan dalam memotivasikan responden untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan sepenuhnya di samping meningkatkan kualiti data yang dikumpul.

Bahagian A: Mengenai demografi responden seperti jantina, umur, pekerjaan, tahap pendidikan, bila terlibat, kekerapan terlibat, bentuk tingkah laku agresif.

Bahagian B: Bahagian ini dipecahkan dan diasongkan bagi mengenalpasti dan mencapai objektif kajian. Pecahan item terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

- a) Faktor diri sendiri.
- b) Faktor keluarga.
- c) Faktor pengaruh rakan sebaya.
- d) Faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama.

PENGANALISAAN DATA KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan pakej perisian Nvivo7. Penggunaan perisian Nvivo7 dalam proses menganalisis data kualitatif adalah bertujuan memudahkan dan mempercepatkan proses mengurus, menganalisis dan mentafsir data-data kualitatif. Untuk merumuskan hasil dapatan data kajian ini, kaedah perisian Nvivo7 telah digunapakai.

Pengkalan data Nvivo7 ini digunakan untuk membentuk kategori-kategori untuk merumuskan data dan menguruskan kategori tersebut dalam indeks data. Di samping itu juga, kaedah perisian Nvivo7 dipilih untuk menganalisis data kerana membantu dalam proses menguruskan dan mengembangkan idea daripada data dan menghubungkan-kaitkan idea-idea tersebut agar mencapai huraian terperinci dalam menjelaskan penemuan dapatan kajian. Selain itu, kelebihan perisian ini adalah kekerapan perkataan, ayat atau istilah sama yang digunapakai oleh responden dalam menceritakan tentang kehidupan mereka dapat dikenal pasti dengan mudah dan diterjemahkan.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Analisis Bahagian A

Analisis deskriptif bagi latar belakang demografi remaja menunjukkan secara keseluruhannya responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada lelaki yang berbangsa Melayu (sila rujuk Jadual 7.1 hingga 7.4).

Taburan Responden Berdasarkan Umur

Dari aspek umur, dapatan kajian menunjukkan majaoriti responden yang terlibat dalam kajian ini ialah dalam lingkungan umur 14 hingga 20 tahun seramai 18 orang (72%). Diikuti oleh kumpulan umur 21 hingga 25 dan 26 hingga 30 masing-masing sebanyak 5 orang (20%) dan 2 orang (8%) (sila rujuk Jadual 7.1).

Jadual 7.1: Taburan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan	Peratusan %
14 hingga 20	18	72
21 hingga 25	5	20%
26 hingga 30	2	8%
31 hingga 35	Tiada	Tiada
36 ke atas	Tiada	Tiada
Jumlah	25	100%

Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

Daripada aspek tahap pendidikan, Jadual 7.2 menunjukkan taburan respons berdasarkan tahap pendidikan responden. Dapatan kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap pendidikan SPM, iaitu seramai 14 orang (56%), PMR dan UPSR masing-masing sebanyak 7 orang (28%) dan 3 orang (12%). Manakala hanya 1 orang responden sahaja yang mempunyai tahap pendidikan Diploma ke atas.

Jadual 7.2: Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan %
Tidak bersekolah	Tiada	Tiada
UPSR	3	12%
PMR	7	28%
SPM	14	56%
Diploma ke atas	1	4%
Jumlah	25	100%

Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan**Jadual 7.3: Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan**

Pekerjaan	Bilangan	Peratusan %
Bekerja sendiri	4	16%
Pelajar	12	48%
Buruh	Tiada	Tiada
Pekerja am/ kilang	3	12%
Tidak bekerja	6	24%
Lain-lain	Tiada	Tiada
Jumlah	25	100%

Daripada aspek latar belakang pekerjaan pula keputusan kajian mendapati kebanyakan responden yang terlibat adalah merupakan pelajar sekolah sebanyak 12 orang (48%). Diikuti oleh responden yang tidak bekerja (6 orang atau 24%), bekerja sendiri sebanyak 4 orang (16%) 11 orang (22%), tidak bekerja (6 orang atau 12%), dan pekerja am/kilang seramai (3 orang atau 12%)

Taburan Responden Berdasarkan Jenis Rumah

Sementara itu, berdasarkan jadual 7.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan jenis rumah memaparkan kebanyakan responden tinggal di jenis rumah pangsa/flat sebanyak 18 orang (72%). Manakala jenis rumah teres sebanyak 3 orang (12%). rumah kampung adalah seramai 4 orang (16%). Sementara itu, jenis rumah banglo, rumah sewa dan lain-lain jenis rumah didapati tiada responden.

Jadual 7.4: Taburan Responden Berdasarkan Jenis Rumah

Jenis Rumah	Bilangan	Peratusan %
Pangsas/flat	18	72%
Banglo	Tiada	Tiada
Rumah sewa	Tiada	Tiada
Teres	3	12%
Rumah kampung	4	16%
Lain-lain	Tiada	Tiada
Jumlah	25	100%

Taburan Responden Berdasarkan Tinggal Dengan Siapa

Jadual 7.5: Taburan Responden Berdasarkan Tinggal Dengan Siapa

Tinggal Dengan Siapa	Bilangan	Peratusan %
Rakan/kawan	3	12%
Keluarga	22	88%
Sendirian	Tiada	Tiada
Lain-lain	Tiada	Tiada
Jumlah	25	100%

Jadual 7.5 menunjukkan taburan responden berdasarkan tinggal dengan siapa memaparkan kebanyakan responden tinggal dengan keluarga mereka sebanyak 22 orang (88%). Manakala hanya 3 orang (12%) responden tinggal dengan rakan/kawan. Manakala responden yang tinggal bersendirian dan lain-lain didapati tiada responden.

Analisis Bahagian B

Bahagian ini membincangkan penemuan kajian faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat di dalam tingkah laku agresif. Dalam bahagian ini, huraian dilakukan secara deskriptif bagi memaparkan empat faktor yang mempengaruhi mereka terlibat dalam tingkah laku agresif iaitu faktor diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kurangnya penghayatan dan pendidikan agama.

Faktor Diri Sendiri Mempengaruhi Tingkah Laku Agresif

Dalam kajian ini menemui kebanyakan responden sering bergaduh dengan ibu bapa dan tidak mendengar cakap kedua orang ibu bapa mereka. Mereka juga akan melepaskan kemarahan mereka apabila ketika marah. Berikut contoh beberapa ungkapan responden untuk menggambarkan situasi ini, iaitu:

“Saya sering mengingkari arahan ibu bapa dan ahli keluarga saya. Saya akan berkata kasar dan melepaskan kemarahan saya dengan memecahkan tingkap dan dinding rumah saya”. – (Responden, 5)

“Saya melawan cakap ibu bapa saya kerana saya minta duit tetapi ibu saya tidak memberikan saya duit. Apabila kehendak saya tidak dipenuhi... saya naik marah dan membaling batu memecahkan tingkap rumah”. – (Responden, 12)

“Saya sering bergaduh dengan ibu bapa saya kerana ibu bapa saya tidak menurut kehendak saya...” – (Responden, 14)

Selain itu, terdapat responden yang tidak segan memberitahu bahawa mereka tidak mengamalkan ajaran agama seperti solat dan membaca al-Quran. Alasan mereka apabila ditanya mengapa tidak solat kebanyakannya memberi respons bahawa mereka tidak pandai solat dan buta al-Quran. Mereka memberitahu ibu bapa mereka pun tidak solat dan membaca al-Quran di rumah. Berikut beberapa ungkapan responden:

“Saya tidak pandai solat dan malas...” – (Responden, 20)

“Saya kurang mengamalkan ajaran-ajaran agama seperti sembahyang...” – (Responden, 23)

“Saya sering tidak solat dan jarang sekali untuk membaca al-Quran... Saya tidak pandai mengaji al-Quran...” – (Responden, 19).

Di samping itu, dapatan kajian ini mendapati kebanyakan mereka bergaul dengan kumpulan-kumpulan yang berakhlak buruk. Ini secara langsung memberi kesan kepada tingkah laku mereka. Mereka sering terlibat dengan aktiviti yang

tidak sihat seperti memeras ugut, membuli, menghisap rokok dan lain-lain. Berikut ungkapan responden dalam menggambarkan tentang perkara ini iaitu:

“Saya suka bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat...” – (Responden, 7)

*“Saya terlibat dengan melakukan buli bersama kawan-kawan saya. Saya tidak akan berani jika saya seorang yang melakukannya...”
– (Responden, 17)*

“Saya suka bergaul dengan kawan-kawan dan melakukan aktiviti seperti memeras ugut dan menghisap rokok...” – (Responden, 21)

Seterusnya, dapatan kajian juga menemui responden ingin kebebasan dalam diri sendiri. Mereka suka kebebasan dalam melakukan aktiviti seharian mereka tanpa dikongkong oleh sesiapa pun. Beberapa contoh ungkapan responden menggambarkan seperti berikut:

“Saya sentiasa inginkan kebebasan dalam setiap perkara yang saya lakukan...” – (Responden, 11)

“Saya lebih suka berseorangan dan suka bebas tanpa disekat oleh orang lain...” – (Responden, 25)

Akhir sekali, dapatan kajian mendapati kebanyakan responden mengalami gangguan emosi yang berpanjangan. Mereka berasa serabut kepala apabila berdepan dengan masalah. Lantas, mereka akan keluar rumah dan mencari hiburan yang merosakkan mereka. Contoh ungkapan responden 13, 7 dan 16 seperti berikut:

*“Saya selalu berada dalam gangguan emosi yang berpanjangan...”
– (Responden, 13)*

“Saya merasa serabut apabila masalah dan kemahuan saya tidak ditunaikan...ini buatkan saya memberontak...” – (Responden, 7)

“...saya akan melepaskan kemarahan dan bertindak memukul orang jika permintaan saya tidak ditunaikan...” – (Responden, 16)

Faktor Keluarga Mempengaruhi Tingkah Laku Agresif Responden

Dalam bahagian ini, faktor keluarga turut mempengaruhi responden untuk terlibat di dalam tingkah laku agresif. Dapatan kajian mendapati ibu bapa responden tidak menjadi role model yang bagus untuk teladan anak-anak. Mereka (ibu bapa) sering bergaduh, maki hamun, memukul isteri di depan anak-anak mereka. Tindakan

sedemikian sebenarnya boleh memberi impak negatif kepada mentaliti dan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak mereka. Contoh ungkapan responden adalah:

"Ibu bapa saya sering melakukan tabiat yang kurang baik dalam rumah seperti merokok, memaki hamun, mudah marah, berjudi dan sebagainya..."
– (Responden, 2)

"Saya berasa tidak aman ketika berada di rumah kerana ibu bapa saya sering bergaduh dan maki hamun ibu saya..." – (Responden, 6)

Dapatan kajian turut mendapati kebanyakan responden memberitahu bahawa ibu bapa mereka sering bertengkar dan menyebabkan suasana di rumah menjadi tidak aman, Hal ini mengakibatkan responden keluar rumah untuk berjumpa dengan kawan-kawan kerana suasana di rumah amat membosankan mereka. Contoh ungkapan responden seperti:

"Ibu bapa saya sering bertengkar antara satu sama lain dan menyebabkan suasana rumah kurang aman..." – (Responden, 10)

"Saya sangat bosan dan tidak boleh berada di rumah kerana ibu bapa saya sering bertengkar..baik saya keluar jumpa kawan-kawan saya lagi syok..." – (Responden 7)

Selain itu, dapatan kajian mendapati kebanyakan ibu bapa mereka bersikap pilih kasih terhadap anak-anak mereka dalam soal kasih sayang, kebendaan dan wang ringgit. Ini mendatangkan persepsi negatif dalam minda responden yang beranggapan bahawa ibu bapa mereka tidak mengambil berat dalam memberi kasih sayang dan soal kebendaan. Contoh ungkapan responden seperti berikut:

"Ibu bapa saya selalu bersikap pilih kasih terhadap adik beradik saya..."
– (Responden, 3)

"Saya sering dianaktirikan oleh ibu bapa saya dalam soal kebendaan seperti sering kali menuruti kata adik saya yang mahu beli barangan yang diminati. Sedangkan saya apabila saya ingin membeli sesuatu barang... macam-macam alasan yang ibu bapa saya bagitahu..." – (Responden, 8)

Di samping itu, terdapat juga ibu bapa responden mempunyai pendapatan yang rendah membuatkan responden jarang memperolehi apa yang mereka kehendaki. Contoh ungkapan responden seperti:

"Ibu bapa saya mempunyai pendapatan yang rendah membuatkan saya jarang memperolehi apa yang saya kehendaki..." – (Responden, 19)

“Saya akan mencuri dan memeras ugut untuk membeli barangan dan keperluan saya seperti membeli rokok...” – (Responden, 14)

Seterusnya, dapatan kajian menemui kebanyakan responden menyatakan ibu bapa mereka kurang berkomunikasi dengan responden tentang keperluan dan memahami dan menyelesaikan masalah mereka hadapi. Contoh ungkapan responden seperti:

“Ibu bapa saya kurang berkomunikasi dengan saya tentang keperluan dan masalah yang saya hadapi...” – (Responden 18)

Faktor Pengaruh Rakan Sebaya Mempengaruhi Tingkah Laku Agresif Responden

Dapatan kajian ini mendapati faktor pengaruh rakan sebaya turut mempengaruhi tingkah laku agresif responden. Faktor pengaruh rakan sebaya ini boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk ungkapan yang diberikan oleh responden. Dapatan kajian ini mendapati melalui rakan sebaya mereka boleh memberi kepuasan ketika melakukan aktiviti agresif. Ini menunjukkan kepuasan dilihat sebagai satu sebab yang mempengaruhi tingkah laku agresif. Berikut adalah ungkapan responden iaitu:

“Saya akan berasa puas jika saya melakukan perkara-perkara ganas...saya suka melakukannya...” – (Responden, 6)

“Aksi-aksi ganas yg pernah saya lakukan adalah seperti memeras ugut dan bergaduh berkumpul...walau pun sakit tapi saya puas hati sebab dapat membalas dendam...” – (Responden, 1)

“Rakan sebaya banyak mengajar saya untuk terjebak bersama-sama untuk melakukan aktiviti ganas secara berkumpul...bila berkumpul barulah rasa berani dan puas...” – (Responden, 21)

Selain itu, dapatan kajian menemui kebanyakan mereka terjebak dengan aktiviti agresif ini disebabkan oleh pengisian masa lapang mereka. Mereka lepak bersama-sama di pasar raya seperti di Bukit Jambul dan dataran Queenbays di Bayan Lepas dan kadang-kadang mereka mengacau perempuan yang berjalan di depan mereka. Terdapat juga responden ditemui mengatakan mereka tiada kerja dan banyak menghabiskan masa dengan lepak beramai-ramai dengan rakan mereka. Contoh ungkapan daripada responden adalah seperti berikut:

“Saja suka-suka...nak isi masa lapang je bang...saya tiada la ganas sangat...Cuma saya boring dan tiada kerja...” – (Responden 10)

“...saya saja nak isi masa lapang dan tiada kerja lain nak dilakukan...” – (Responden, 13)

Di samping itu juga, dapatan kajian ini mendapati melalui rakan sebaya mereka bertingkah laku agresif adalah semata-mata untuk menunjukkan kehebatan dan pengiktirafan rakan-rakan mereka. Mereka akan berasa hebat jika melakukan perkara-perkara yang ganas supaya mereka dipuji dan dihormati. Apabila mereka dipuji dan dihormati, kebanyakan respons berkata mereka akan berasa bangga, samseng dan rakan-rakan akan menganggap sebagai ketua di dalam kalangan mereka. Berikut adalah contoh ungkapan dari responden seperti berikut:

“..untuk nak menunjukkan kehebatan kepada kawan-kawan saya...”
– (Responden, 17)

“Saya inginkan penghormatan dan sanjungan dari kawan-kawan...”
– (Responden, 19)

“Biasanya...saya nak kawan-kawan saya hormat saya sebagai kawan mereka...dan kami akan rasa selesa apabila berkawan...”
– (Responden, 23)

Faktor Kurangnya Penghayatan dan Pendidikan Agama Mempengaruhi Tingkah Laku Agresif Responden

Dapatan kajian ini menemui responden tidak mempunyai peluang untuk mempelajari dan mendalami ilmu agama. Ini kerana mereka tidak disuruh dan dididik dengan sempurna oleh ibu bapa mereka. Alasan yang diberikan oleh mereka adalah seperti malas, tidak mengambil berat dalam soal agama dan tiada dorongan untuk mempelajari ilmu agama. Contoh ungkapan responden adalah:

“Saya tiada peluang untuk pelajari agama...kerana ibu bapa saya tidak menyuruh saya dan lagi pun..saya malas...” – (Responden, 19)

“Ibu bapa saya pun kurang mengambil berat soal ini...jadi saya pun jadi terabai...” – (Responden, 21)

“Saya ingin pelajari...tapi tidak tahu nak cari dan belajar...”
– (Responden, 15)

Selain itu, dapatan kajian menemui juga responden yang bertingkah laku agresif disebabkan segelintir mereka yang meninggalkan solat dan suruhan lain. Pada masa yang sama, terdapat responden menyatakan keluarga mereka tidak menunaikan solat. Ini sedikit sebanyak mempengaruhi jiwa mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti keganasan. Contoh ungkapan responden adalah seperti:

“Saya meninggalkan suruhan agama seperti solat...” – (Responden, 4)

“Keluarga saya tidak solat...jadi macam mana saya nak solat di rumah...”
– (Responden, 15)

Seterusnya, dapatan kajian menemui responden pernah terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti memeras ugut, mencederakan orang dengan menggunakan senjata dan mengambil dadah jenis syabu dan ganja. Kesan pengambilan dadah tersebut menyebabkan mereka menjadi agresif. Contoh ungkapan responden seperti:

“Saya pernah terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti mengambil dadah jenis ganja...bahan terlarang itu saya beli dari kawan saya...” – (Responden, 16)

“Saya pernah melakukan peras ugut dan melakukan hubungan seks dengan awek saya...” – (Responden, 18)

“Saya gemar mengambil dadah...sebab dengan dadah boleh memberi saya ketenangan perasaan dan berani...” – (Responden, 21)

Akhir sekali, dapatan kajian menemui responden tidak gemar pergi ke tempat rumah ibadat dan majlis ilmu. Alasan yang diberikan kebanyakannya menyatakan segan untuk ke tempat sebegitu disebabkan dengan diri mereka yang jahil dan jahat. Terdapat juga responden menyatakan tiada masa dan sibuk dengan aktiviti harian mereka. Contoh ungkapan responden adalah seperti:

“Saya tidak gemar pergi ke tempat ibadat dan majlis ilmu agama kerana segan dan malu...” – (Responden, 10)

“Saya merasakan diri saya jahat dan jahil...jadi saya tidak layak untuk ke tempat macam tu...” – (Responden, 16)

“Saya tiada masa untuk ke tempat itu...kawan-kawan saya pun tidak ajak saya...” – (Responden, 8)

PERBINCANGAN

Perbincangan kajian adalah berdasarkan kepada analisis kekerapan perkataan, ayat atau istilah sama yang digunapakai oleh responden, dikenal pasti dengan mudah dan diterjemahkan dalam bentuk jadual 8.1 hingga 8.4.

Taburan Respons Dapatan Kajian Faktor Diri Sendiri

Jadual 8.1 menunjukkan taburan respons dapatan kajian faktor diri sendiri yang mempengaruhi tingkah laku agresif. Setelah dianalisis, dapatan kajian taburan respons kebebasan sebanyak 12 orang responden adalah yang tertinggi diberikan oleh

responden. Manakala kurang amalan agama pula sebanyak 4 orang. Taburan respons bagi bergaul dengan kumpulan tidak sihat (5 orang), ingkar arahan ibu bapa dan gangguan emosi berpanjangan masing-masing berjumlah seramai 2 orang responden yang memberi respons tentang faktor diri sendiri.

Jadual 8.1: Taburan Respons Dapatan Kajian Faktor Diri Sendiri

Faktor Diri Sendiri	Bilangan
1. Ingkar arahan ibu bapa	2
2. Kurang amalan agama	4
3. Bergaul dengan kumpulan tidak sihat	5
4. Kebebasan	12
5. Gangguan emosi berpanjangan	2
Jumlah	25 orang

Analisis menunjukkan aspek ini mempunyai peratusan yang agak tinggi berbanding aspek-aspek lain. Penyelidik berpendapat, pada usia remaja, mereka mengalami perubahan dari segi peningkatan usia, pemikiran dan keadaan sekeliling. Ketika melalui proses-proses perkembangan pada keadaan sekeliling, akan wujud perkara-perkara yang tidak pernah mereka lihat atau alami. Rogers (1962) (dalam Zainudin Sharif & Norazmah M. R., 2011: *ibid*) pula menyatakan, remaja adalah tahap perkembangan fizikal dan sosiologi mengikut kronologi umur dalam mana peringkat umur 15-17 tahun, remaja mengutamakan identiti diri, dan peringkat umur 17 tahun ke atas pula remaja berlatih memainkan peranan sebagai orang dewasa. Dapatan kajian ini disokong oleh Suzana (2002) yang menyatakan pada usia remaja, mereka mula mempunyai keinginan kebebasan dalam pelbagai perkara dan pada masa yang sama juga, mereka mengalami perkembangan fizikal dan mental yang cepat (sila rujuk ungkapan responden 11 dan 25, halaman 12).

Dapatan kajian ini dapat dikukuhkan lagi dengan Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja yang inginkan kebebasan digambarkan sebagai perlakuan emosi yang akan membentuk kerangka perlakuan remaja itu sendiri. Sekiranya remaja gagal mengawal emosi maka mereka akan mengalami tekanan mental dan melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan.

Taburan Respons Dapatan Kajian Faktor Keluarga

Jadual 8.2 menunjukkan taburan respons dapatan kajian faktor keluarga. Beberapa aspek ditemui menunjukkan ibu bapa bukan role model terbaik adalah sebanyak 9 orang, ibu bapa mempunyai pendapatan yang rendah seramai 10 orang, komunikasi yang kurang (4 orang) dan ibu bapa yang pilih kasih terhadap anak-anak mereka hanya 2 orang responden.

Analisis dapatan kajian mendapati, faktor keluarga, iaitu ibu bapa bukan role model terbaik (10 orang) dan ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang rendah (9 orang) adalah antara yang mempengaruhi remaja bertingkah laku agresif. Dapatan kajian ini disokong oleh Hoffman (1996) yang menyatakan keluarga yang harmoni membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Dapatan kajian juga disokong oleh Rohayati (2004) yang berhujah sekiranya ibu bapa gagal dalam mendidik anak-anak akan menjejaskan masa depan mereka yang boleh menyebabkan mereka terlibat dengan gejala-gejala sosial dan tidak mampu untuk membentuk diri mereka menjadi orang yang berguna dan berwawasan. Dapatan kajian ini turut dipersetujui oleh Jacobvitz, et al., 1996, yang menyatakan kegagalan ibu bapa dalam mendisiplinkan anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingkah laku agresif. Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak

Jadual 8.2: Taburan Respons Dapatan Kajian Faktor Keluarga

Faktor Keluarga	Bilangan
1. Ibu bapa bukan role model terbaik	9
2. Ibu bapa bersikap pilih kasih	2
3. Ibu bapa mempunyai pendapatan yang rendah	10
4. Komunikasi yang kurang	4
Jumlah	25 orang

Dapatan kajian ini menepati penemuan kajian lepas di Malaysia dan di Barat seperti kajian oleh Fatanah (1997) yang menunjukkan hubungan kekeluargaan yang baik berkait rapat dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik. Manakala Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan antara latar belakang keluarga yang menjadi faktor remaja bertingkah laku devian adalah disebabkan pendapatan ibu bapa yang rendah dan anak membesar dalam keadaan terbiar.

Selain itu, dapatan kajian ibu bapa mempunyai pendapatan yang rendah turut menyokong kajian Noor Adiah (1998) dan Norhayati (1994) juga mendapati masalah sosial ada kaitan dengan pendapatan keluarga. kajian oleh Mannes, et al., (2005) pula melaporkan bahawa remaja yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah adalah dua kali ganda lebih cenderung untuk bertingkah laku negatif berbanding remaja lain.

Taburan Respons Dapatan kajian Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Jadual 8.3: Taburan Respons Dapatan Kajian Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Faktor Pengaruh Rakan Sebaya	Bilangan
1. Keseronokan	14
2. Mengisi masa lapang	3
3. Menunjukkan kehebatan dan pengiktirafan	8
Jumlah	25 orang

Jadual 8.3 menunjukkan taburan respons dapatan kajian faktor pengaruh rakan sebaya menemui mereka terlibat dalam tingkah laku agresif disebabkan oleh keseronokan seramai 14 orang. Mereka akan berasa seronok dan puas jika mereka berkelakuan tidak sopan bersama rakan-rakan mereka. Kepuasan yang mereka perolehi bersama rakan-rakan adalah sesuatu yang menggembirakan mereka kerana mereka mudah menerima tingkah laku rakan-rakan mereka. Kajian ini menyokong kenyataan Fatimah (2006), apa-apa sahaja yang memberikan keseronokan kepada mereka akan dilakukan kerana terikut-ikut sikap kawan atau pilihan sendiri. Malah, kajian ini turut menyokong kajian oleh Romzi (2006) menunjukkan sebab utama remaja terlibat dengan kegiatan berisiko tinggi adalah untuk mencari keseronokan tanpa berfikir panjang. Oleh demikian, penyelidik berpendapat, remaja mudah menerima ajakan daripada rakan-rakan kerana mereka percaya apa yang dilakukan oleh rakan mereka adalah betul dan boleh mendatangkan keseronokan.

Selain itu, analisis dapatan kajian mendapati mereka terlibat dalam tingkah laku agresif disebabkan oleh rasa ingin menunjukkan kehebatan dan pengiktirafan iaitu seramai 8 orang. Responden sanggup melakukan apa sahaja supaya mereka dihormati dan diiktiraf oleh rakan-rakan iaitu ahli kumpulan walaupun ia berdosa. Mereka cenderung untuk bersama rakan-rakan yang mempunyai tingkah laku yang sama. Ini akan mendorong mereka membentuk kumpulan sendiri dan ada peraturan tertentu dalam kumpulan mereka. Justeru itu, responden sanggup melakukan apa sahaja asalkan mereka diterima menjadi ahli kumpulan. Kajian ini menyokong kajian Asmak (2006), remaja akan terpengaruh dengan rakan-rakan yang menganggap undang-undang adalah tidak penting dan mereka akan membentuk kumpulan serta peraturan tertentu. Setiap ahli kumpulan mestilah mematuhi peraturan tersebut dan dari sini wujudlah tingkah laku agresif seperti peras ugut dan sebagainya. Oleh itu, kajian oleh Asmak (2006) mendapati pengaruh rakan sebaya remaja terlibat dengan salah laku biasanya lebih mudah meniru dan terpengaruh dengan rakan sebaya. Selain itu, kajian ini juga menyokong kajian oleh Samsaadal, & Abdullah (2006) mendapati pengaruh rakan sebaya juga cukup besar kerana mereka akan berasa selesa bersama rakan sebaya jika mereka diiktiraf.

Jadual 8.4: Taburan Respons Dapatan Kajian Faktor Kurangnya Penghayatan dan Pendidikan Agama

Faktor Kurang Penghayatan dan Pendidikan Agama	Bilangan
1. Tiada peluang pelajari dan dalami agama	9
2. Tidak solat dan melakukan suruhan lain	3
3. Pengambilan barang terlarang	8
4. Tidak gemar ke rumah ibadat	5
Jumlah	25 orang

Jadual 8.4 menunjukkan taburan respons dapatan kajian faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama menemui tiada peluang mempelajari dan mendalami agama seramai 9 orang. Kajian ini menyokong kenyataan Sabitha, Mahmood Nazar Mohamed (1995), antara punca berlakunya permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda adalah disebabkan oleh kurangnya pendidikan dan penghayatan agama dalam kalangan ibu bapa mahupun dalam kalangan remaja. Pengetahuan, penerapan dan amalan agama yang lemah dalam kalangan ibu bapa tidak membantu kepada tingkah laku yang positif dalam kalangan remaja. Dapatan kajian ini turut menyokong kajian yang dijalankan oleh Sharifah et al., (2010) mendapati remaja yang mendapat bimbingan yang positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif dan secara tidak langsung berupaya untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko.

Selain itu, dapatan kajian mendapati keterlibatan mereka dalam tingkah laku agresif disebabkan mereka tidak solat dan melakukan suruhan lain seramai 3 orang. Dapatan kajian ini menyokong kajian Hodge, Cardenas, & Montoya (2001), agama merupakan benteng yang kuat untuk menghalang perlakuan yang tidak bermoral dan seterusnya berupaya memberi perlindungan melalui dua cara iaitu bertindak sebagai penolakan kepada perbuatan yang bercanggah dengan kepercayaan agama dan keterlibatan seseorang individu dalam aktiviti agama berupaya membantu untuk membentuk kumpulan rakan yang positif dan bermoral tinggi. Dapatan kajian ini turut menyokong kajian Mahmood et al., (1997), remaja yang mempunyai tahap pengetahuan dan keagamaan yang tinggi kurang berisiko untuk terdedah dengan gejala sosial yang boleh merosakkan masa hadapan mereka.

Di samping itu, dapatan kajian menemui pengambilan barang terlarang (8 orang) turut mendorong mereka bertingkah laku agresif. Kajian ini menyokong beberapa kajian barat mendapati agama berupaya bertindak sebagai faktor penghalang kepada tingkah laku agresif yang menyalahi undang-undang seperti memeras ugut, samun, merompak dan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Donahue, & Benson,

1995; Francis, 1997, Steinman, 2004). Hasil kajian ini memperlihatkan penemuan yang selari dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa remaja yang mempunyai pegangan agama yang kukuh menunjukkan tahap keterlibatan yang rendah dengan aktiviti yang tidak sihat termasuklah terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah (Gorsuch, 1995; Johnson, Tomkins, & Webb, 2002).

Seterusnya, dapatan kajian mendapati tidak gemar ke rumah ibadat seramai 5 orang. Mereka lebih cenderung ke arah tempat-tempat yang menyeronokkan dan banyak menghabiskan masa dengan melepak dengan kawan-kawan. Justeru itu, untuk memupuk dan menyedarkan mereka bahawa aspek keagamaan merupakan elemen terpenting, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak perlu diberikan perhatian utama. Kajian ini menyokong pendapat Corcoran, & Nichols-Casebot, 2004; Wallace, et al., 2007, pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi benteng kepada remaja yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri. Dapatan kajian ini turut menyokong kenyataan McCullough, & Willioughby, 2006, remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera.

KESIMPULAN

Tingkah laku agresif dalam kalangan remaja pada masa kini dipengaruhi beberapa faktor. Faktor tersebut adalah faktor diri sendiri, faktor keluarga, faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama. Dapatan kajian mendapati faktor diri sendiri dan rakan sebaya paling mempengaruhi responden terlibat dalam tingkah laku agresif berbanding faktor-faktor lain. Walau bagaimanapun, analisis mendapati faktor kurangnya penghayatan dan pendidikan agama bukan faktor penting responden terlibat dalam tingkah laku agresif.

Justeru itu, semua pihak haruslah bekerjasama untuk menghapuskan masalah sosial yang semakin meruncing ini. Pelbagai pihak sama ada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Badan Sahsiah Politik seperti Putera UMNO, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), mengadakan pelbagai program, operasi pencegahan dan sebagainya.

RUJUKAN

- Azimi H, Turiman S, & Ezhar, T. 2002. *Persatuan Belia di Malaysia: Perkembangan dan Penyerlahan Potensi*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Abidin, Zainal. 2005. *Penghakiman Massa*. Jakarta: Erlangga.
- Abraham, K. M. & Teplin, L. A. 1990. Drug Disorder, Mental Illness and Violence. In M.D.L Rosa, E. Y. Lambert & B. Gropper (Eds). *Drugs and Violence: Causes, Correlates and Consequences*. NIDA Research Monograph 103: 221-237.
- Arief S Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. 2006. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmak Haji Ali. 2006. *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. UITM Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon. 2005. *Psikologi Sosial: Alam Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya dan Rosnah Buang. 2007. Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Azizi Yahaya, & Faizah Idris. 2010. Tingkah laku Agresif. *Fakulti Pendidikan*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bailey, K. 1994. *Methods of Social Research*. Fourth Edition, New York: The Free Press.
- Blaikie, N. 2000. *Designing Social Research: The Logic of Anticipation*. Cambridge: Polity.
- Blencowe, S.R. 2007. Hidden aggression: A study of Group Counseling and Female Relational Aggression. *Counselor Education Master's Theses*, State University of New York College.
- Block, J., Block, J. H., & Keyes, S. 1988. Longitudinally Foretelling Drug Usage in Adolescence: Early Childhood Personality and Environmental Precursors. *Child Development*, 59: 336-355.

- Brody, S. L. 1990. Violence Associated With Acute Cocaine Use in Patients 7 Admitted to a Medical Emergency Department. In. M. D. L. Rosa, E. Y. Lambert & B. Gropper (Eds.). *Drugs and Violence: Cause, Prelates, and Consequences*. NIDA Research Monograph 103: 43 -58.
- Caspi, A., Henry, B., McGee, R., Moffit, T., & Silva, P. 1995. Temperamental Origins of Child and Adolescent Behaviour Problems: From Age Three to Age Fifteen. *Child Development*, 66: 55-68.
- Corcoran, J. & Nichols-Casebot, A. 2004. Risk and resilience ecological framework for assessment and goal formulation. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21: 211-235.
- Donahue, M. & Benson, E. L. 1995. Religion and the well-being of adolescents. *Journal of Social Issues*, 51(2), 145-160.
- Douvan, E. and Gold, M. 1966. Model Patterns in American Adolescence. In L. M. Hoffmann (Ed.), *Review of Child Development Research* (Vol. 2). New York: Russell Sage Foundation.
- Esfandy, B., Baharudin, R., & Nowsari, L. 2009. Background of Inter Parental Conflicts and Internalizing Behaviour Problems among Adolescents. *European Journal of Scientific Research*, 37 (4): 599-607.
- Fatimah Yusoff. 2006. Gejala Sosial Remaja-Pandangan Dr Fatimah Yusuf (Cahaya Oktober). Tidak dicetak.
- Fatanah Mohamed. 1997. Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.
- Faupel, C. E. 1991. *Shooting Dope: Career terns of Hard Core Heroin Users*. Miami: University of Florida.
- Fergusson, D., dan Horwood, L. 1996. The Role of Adolescent Peer Affiliations in the Continuity between Childhood Behavioural Adjustment and Juvenile Offending. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 24: 205-221.
- Fergusson, D., Lynskey, M., dan Horwood, L. 1996a. Factors Associated with Continuity and Changes in Disruptive Behaviour Patterns between Childhood and Adolescence. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 24: 533-553.
- Francis, L.J. 1997. The impact of personality and religion on attitudes towards substance use among 13-15 year olds. *Drug and Alcohol Dependence*, 44 (2-3): 95-103.

- Greenwald, S. 2000. Religiosity and Substance Use and Abuse Among Adolescents in the National Comorbidity Survey. *Journal of American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 39 (9): 1190-1197.
- Goldstein, P. J., D. S. Lipton, E. Preble, I. Sobel, T. Miller, W. Abbott, W. Paige, & F. Soto. 1984. The Marketing of Street Heroin in New York City, *Journal of Drug Issues*, 14: 553-566.
- Gorsuch, R. L. 1995. Religious Aspects of Substance Abuse and Recovery. *Journal of Social Issues*, 51 (2): 65-83.
- Hoffman, L. 1996. Progress and Problems in the Study of Adolescence. *Developmental Psychology*. 32: 777-780.
- Hawkins, J. D., Catalano, R. F. & Miller, J. Y. 1992. Risk and Protective Factors for Alcohol and Other Drug Problems in Adolescence and Early Adulthood: Implications for Substance Abuse Prevention. *Psychological Bulletin*, 112: 64-105.
- Hodge, D. R., Cardenas, P. & Montoya, H. 2001. Substance use: Spirituality and religious participation as protective factors among rural youths. *Social Work Research*, 25 (3): 153-161.
- Hurlock, E. B. 1973. *Adolescent Development*. Tokyo: McGraw Hill Inc.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013. Tarikh akses 11 April 2013, 5.00 petang (<http://www.statistics.gov.my/portal/populationclockNEW/BM.php>).
- Jacobvitz, D. B., & Bush, N. F. 1996. Reconstructions of Family Relationships: Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self Esteem. *Developmental Psychology*, 32 (4): 732-743.
- Jessor, R., Costa, F. M., Krueger, P. M. & Turbin, M. S. 2006. A developmental study of heavy episodic drinking among college students: The role of psychosocial and behavioral protective and risk factors. *Journal of Studies on Alcohol*, 67 (1): 86-94.
- Johnson, B. R., Tomkins, R. B. & Webb, D. 2002. Objective hope: Assessing the effectiveness of faith-based organizations: A review of the literature. *Research Report*: University of Pennsylvania Center for Research on Religion and Urban Civil Society.
- Judd, C. M., Smith, E. R., Kidder, L. H. 1991. *Research Methods in Social Relations*. First edition. Harcourt Brace, Florida FL.

- Kaufman, S. 1994. *In-depth Interviewing*. In J. F. Gubrium & A. Sankar (Eds.), *Qualitative Methods in Aging Research*. Thousand Oaks, CA: Sage: 123-136.
- Kogan, S. M., Luo, Z., Murry, V. M. & Brody, G. H. 2005. Risk and protective factors for substance use among African American high school dropouts. *Psychology of Addictive Behaviors*, 19 (4): 382-391.
- Kurtz, J. 2003. The Development of an Alternative Group Therapy Curriculum to Address Aggression among Adolescent Boys. *Project*, California State University Sacramento.
- Mahmood Nazar Mohamed. 1993. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mahmood, N.M., Nadiah Elias, Noor Azizah Ahmad, Saedon Awang & Ahmad Martadha. 1997. Kajian Gaya Hidup Remaja Negeri Kedah. Al-Bukhary Foundation, Kedah Islamic Development Foundation and Kedah Youth Council Research Grant: *Contract Research Report*, UUM-MBK.
- Mahmood N. M., & Yahya Don. 2003. Strategi Pencegahan Penagihan Semula (Relapse): Proses Berterusan Untuk Mengekalkan Kepulihan. Paper presented at the *Seminar Kaunseling; Mencegah Relapse Untuk Menjana Kepulihan Sepanjang Hayat*, 1 – 3 Julai, Alor Setar, Kedah.
- Mahmood Nazar. 2009. Gejala Sosial di Malaysia Masa Kini: Antara Puncanya. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Pembangunan Insan di Malaysia* di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 8 Januari 2008.
- Mannes, M., Roehlkepartain, E. C. and Benson, P. L. 2005. Unleashing the Power of Community to Strengthen The Well-Being of Children, Youth and Families: An Asset Building Approach. *Child Welfare League of America*. 84 (2): 33-250.
- Mc Cullough, M.E. & Willioughby, L.B. 2006. Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explanation and implication. *Psychological Bulletin*, 135 (1): 69-93.
- Mohd. Reduan Aslie. 1990. *Jenayah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Mischkowski, D. 2012. Flies on the Wall Are Less Aggressive: Effect of Self-distancing on Aggressive Affect, Cognition, and Behavior. *Thesis for Degree Master of Arts*, the Ohio State University.

- Moffit, T. E. 1993. Adolescence Limited and Life Course Persistent Antisocial Behaviour: A Developmental Taxonomy. *Psychological Review*, 100 (4): 674-701.
- Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail & Mohamad Fauzi Sukimi. 2009. Sub-Budaya Mat Rempit dan Perubahan Sosiobudaya, *Malaysian Journal of Society and Space*, 5 (3): 26-43.
- Newell, R. 1993. Questionnaires. In: Gilbert, N. (Ed), *Researching Social Life*. Sage London: 94-115.
- Noraini Ahmad. 2000. Kaunseling Remaja. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distridutors Sdn. Bhd.
- Noor Adiah Mohamad Nor. 1998. Satu Kajian Kes Tentang Masalah Remaja Sekolah Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Poulson, R.L., Eppler, M.A, Satterwhite, T.N, Wuensch, K.L. & Bass, L.A. 1988. Alcohol Consumption, Strength of Religious Beliefs Aand Risky Sexual Behavior In College Students. *Journal of American College Health*, 46 (5): 227-232.
- Rohayati Derani. 2004. Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah: *Tesis Sarjana Muda* Universiti Teknologi Malaysia
- Ramirez, J. Martin. 2003. Hormones and Aggression in Childhood and Adolescence. *Aggression and Violent Behavior*, 8 (6): 621-644.
- Ratner, M. S. 1993. *Crack Pipe as Pimp: An Ethnographic Investigation of Sex for Crack Exchanges*. New York: Lexington Books.
- Rozmi Ismail. 2004. Gejala Perlumbaan Motosikal Haram di Kalangan Remaja: Peranan Keluarga dan Masyarakat Dalam Mengenai Gejala Ini. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004*. Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Oktober 2004.
- Rozmi Ismail. 2005. Perlumbaan Motorsikal Haram di Kalangan Remaja, dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan dan Pembangunan Generasi Muda UKM-KBS*, 13-14 Disember, 2005, UKM, Bangi: 315-326.

- Romzi Ismail. 2006. Penglibatan Remaja Dalam Perlumbaan Motosikal Haram: Peranan Keluarga dan Masyarakat Dalam Menangani Gejala Ini. Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia.
- Samsudin A. R. 2007. Pengurusan Pembangunan Belia Ke Arah Pembentukan Generasi 2057. *Kertas Kerja Konvensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057*. Putrajaya, 2-4 September 2007.
- Sethi, D., Hughes, K., Bellis, Mark, Mitis, F., & Racioppi, F. 2010. *European report on preventing violence and knife crime among young people*. World Health Organization Regional Office for Europe.
- Shamsaadal Sholeh dan Abdullah Sulaiman. 2006. Konflik Remaja Masa Kini Dan Cabaran Menanganinya. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Sigurdsson, J. F. & Gudjonsson, G. H. 1996. Psychological Characteristics of Juvenile Alcohol and Drug Users. *Journal of Adolescence*, 19: 41-46.
- Simpson, K. 2001. The Role of Testosterone in Aggression. *Journal of Medicine*, 6: 32-40.
- Sokol-Katz, J., Dunham, R., & Zimmerman, R. 1997. Family Structure versus Parental Attachment in Controlling Adolescent Deviant Behaviour: A Social Control Model. *Adolescence*, 32 (125): 199-215.
- Steinman, K. J. 2004. Religious activity and risk behavior among African American adolescents: Concurrent and developmental effects. *American Journal of Community Psychology*, 25 (1):117-122.
- Stylianou, S. 2004. The Role of Religiosity in the Opposition to Drug Use. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology*, 48 (4): 429-448.
- Syarifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Mursyid, A. 2010. Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Twenge, J. M., Ciarocco, N.J., Baumeister, R.F., DeWall, C.N., & Bartels, J. M. 2007. Social Exclusion Decreases Pro-social Behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*, 92 (1): 56-66.
- Voelkl, K. E., Welte, J. W., & Wieczorek, W. F. 1999. Schooling and delinquency among white and African American adolescents. *Urban Education*, 34: 69-88.

- Vuchinich, S. 1992. Parenting, Peers and the Stability of Antisocial Behaviour in Preadolescent Boys. *Developmental Psychology*, 28: 510-521.
- Wallace, J. M., Brown, T. N., Bachman, J. G. & Laveist, T. A. 2003. The influence of race and religion on abstinence from alcohol, cigarettes and marijuana among adolescents. *Journal of Studies on Alcohol*, 64 (6): 843-848.
- Wilson, J. J. 2000. Preventing Adolescent Gang Involvement. *Juvenile Justice Bulletin*, September, 26 (2): 1-12.
- Yahya Don. 1999. Hubungan Penagihan Dadah Dengan Kelakuan Jenayah: Pengaruh Faktor-Faktor Psikososial dan Institusi Terpilih. *Kajian Sarjana*, Universiti Utara Malaysia.
- Yahya Don & Mahmood, N. M. 2004. Hubungan Penagihan Dadah dan Perlakuan Jenayah. *Malaysian Journal of Psychology*, UKM, Bangi, Selangor.
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad. 2004. Panduan Mengurus Remaja Moden. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, Volume 1 Mac 2011: 115 – 140.

Profil Penulis:

Zalmizy, H
PhD Candidate in Criminology
School of Social Sciences
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Penang
Malaysia
Tel: 6013-280 2227